

30/01/1998

Rapatkan barisan pertahanan ekonomi: PM (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat supaya tidak memperjuangkan kepentingan diri, kaum, puak, pertubuhan atau parti sebaliknya merapatkan barisan bagi mempertahankan negara dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, jika berlaku perpecahan sedangkan tindakan dalam mengatasi masalah itu pula kurang berkesan, ekonomi negara akan merosot lagi dan memudahkan pihak asing menguasai negara ini.

"Percayalah, nasib kita semua akan menjadi sama buruk, termasuk mereka yang cuba mengambil peluang memeralatkan masalah yang dihadapi negara," katanya dalam perutusan Aidilfitri yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), malam ini.

Dr Mahathir berkata, apa yang diperlukan hanyalah sedikit pengorbanan dan kesabaran daripada semua pihak sebelum masalah itu dapat diatasi.

"Kita tahu kemiskinan yang lebih teruk tidak lama dahulu dan kita tahu kita dapat mengatasinya. Jika kita sanggup menghadapi cabaran, insya-Allah kita akan mengatasinya sekali lagi," katanya.

Mengambil contoh masalah ekonomi yang dihadapi sesetengah negara lain, Perdana Menteri berkata, kegawatan itu menyebabkan mereka terpaksa tunduk kepada agensi bantuan antarabangsa dan menderita.

Keadaan itu, katanya, menyebabkan pekerja mereka menganggur, syarikat dan bank terpaksa ditutup, barangan meningkat harga dan tidak dapat dibekal secukupnya di samping terpaksa menghadapi pelbagai tekanan hidup.

"Jika rakyat tidak ingin semua ini berlaku, mereka hendaklah elak daripada mengutamakan kepentingan diri atau kaum atau pertubuhan, tetapi sebaliknya mementingkan perpaduan.

"Ini bukan bermakna perjuangan kita akan berhenti berterusan. Apabila kita sudah dapat mengatasi masalah yang dihadapi, kita boleh kembali memperjuangkan semula apa juga perjuangan kita.

"Janganlah kita menyebabkan pecah-belah di kalangan kita dan melemahkan tumpuan kita kepada usaha mengatasi masalah ekonomi negara," katanya.

Sambil menyifatkan tidak ramai golongan ekstrim dan fanatik di Malaysia, Dr Mahathir berkata, masih ada pihak yang begitu mengutamakan kumpulan mereka sehingga sanggup menanggung di air keruh.

Sehubungan itu, beliau meminta semua kaum, kumpulan dan kesatuan merapatkan barisan untuk mempertahankan negara daripada usaha pihak asing untuk menjajah negara ini semula.

"Perjuangan melawan penjajahan oleh orang asing adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia. Malang sekali ada orang tertentu dan kumpulan yang cuba mengambil kesempatan daripada masalah ekonomi negara untuk memajukan politik diri dan kumpulan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebagai sebuah negara demokratik yang suara ramai dihormati dan suara minoriti bebas disuarakan serta diberikan pertimbangan wajar, Kerajaan Malaysia dipilih oleh rakyat dan diberikan hak untuk memerintah sehinggalah pemilihan dibuat semula.

"Tetapi, dalam tekanan asing ke atas kita sekarang, kerajaan perlu kepada sokongan semua pihak untuk menanganinya.

"Amalan demokrasi adalah untuk kebaikan kita dan bukan kita yang harus dikorbankan untuk kononnya menunjukkan betapa demokratiknya kita sehingga kita dijajah semula oleh orang asing," katanya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun pihak asing tidak berhenti-henti bercakap mengenai demokrasi, mereka juga dilihat tidak segan memaksa

kerajaan yang dipilih secara demokratik menerima arahan mereka.

"Mereka berpendapat mereka bertanggungjawab untuk mendisiplinkan kerajaan-kerajaan negara lain yang dipilih oleh rakyat. Jika kerajaan tidak patuh kepada arahan mereka, maka pelbagai tekanan kewangan dan ekonomi dikenakan kepada kerajaan dan rakyat," katanya.

Justeru, Perdana Menteri mahu rakyat memahami bahaya besar yang dihadapi kerana sebarang sikap tidak berjaga-jaga akan membolehkan negara dijajah semula dengan penjajahan yang tidak kurang menghinakan.

"Maruah kita yang belum dapat ditebus sepenuhnya akan hancur lagi dan kali ini kita mungkin tidak dapat memulihkannya," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, Malaysia, sehingga kini berjaya mempertahankan kebebasan kerana sudah membina asas yang kukuh, manakala sokongan kuat rakyat membolehkan kerajaan mengurus pentadbiran tanpa dipengaruhi oleh mana-mana kumpulan.

"Oleh kerana Kerajaan Malaysia kukuh dan tidak takut dijatuhkan oleh mereka yang dekat dengannya, maka dasar yang dibentuk dan tindakan yang diambil adalah yang sihat, wajar dan tidak melemahkan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus bersyukur kerana masih dapat menyambut Aidilfitri dalam keadaan aman dan tenteram walaupun negara menghadapi kelembapan ekonomi akibat kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika.

"Insya-Allah masalah kita akan dapat dipulihkan dan kita akan kembali kepada keadaan seperti dahulu, tetapi lebih bijak dan lebih arif akan cabaran dan ancaman yang kita perlu hadapi sepanjang masa.

"Jika kita tahu mengurus kehidupan kita, kesan kejatuhan itu tidak akan dirasakan sangat," katanya.

Lantaran itu, beliau menggesa rakyat supaya mengawal diri tanpa dipaksa dan bertindak serta bersikap sederhana selain mengurangkan penggunaan barangan luar negara dan menggantikannya dengan produk tempatan yang lebih murah.

Perdana Menteri turut mengecam pembunuhan beramai-ramai ke atas orang Islam dan bukan Islam kerana selain bertentangan dengan ajaran agama, perbuatan itu melemahkan umat Islam sendiri dan memburukkan agama suci itu dari segi pandangan orang lain.

Beliau berkata, kesempatan menyambut hari raya hampir sama dengan Tahun Baru Cina, harus digunakan sepenuhnya bagi menjalin perhubungan baik antara dua kaum yang besar di negara ini.

"Kebolehan kita merayakan hari kebesaran bersama adalah bukti pemahaman kita dalam menangani masalah hubungan kaum di negara kita," katanya.

(END)